

26 MAY 2000

Mahathir-Ironman/I

DR MAHATHIR MEMINTA TRIATLON IRONMAN MENEROKA LANGKAWI

LANGKAWI, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta atlit-atlit di kejohanan Langkawi Ironman Triathlon 2000 supaya meneroka peluang-peluang pelancongan di sini.

"Selepas satu pertandingan yang penuh mencabar, anda perlu relaks di sini dan menikmati tarikan ataupun kembali ke sini sebagai pelancong di masa depan," kata beliau semasa berucap di hadapan lebih kurang 130 atlit triatlon di "Carbo Loading Dinner" di sini.

Dr Mahathir berkata, Langkawi ialah pulau percutian yang cantik dan penekanan saya ialah untuk menarik lebih ramai orang melawat pulau ini yang diberikan status bebas cukai pada 1987.

Beliau berkata, Langkawi adalah tempat yang menarik untuk berbuat apa sahaja daripada berbasikal, terjun udara dan tempat terbaik untuk beristirehat juga.

"Malaysia menjemput anda untuk menyertai dan berisirehat di sini untuk memastikan semua duit anda belanjakan di sini untuk beraksi di sukan ketahanan dan stamina ini berbaloi," katanya.

Dr Mahathir berkata atlit-atlit triathlon itu adalah orang yang mengagumkan kerana mereka ini sihat dan akan mengharungi satu-satu acara yang paling mencabar yang akan berlangsung pada Ahad.

Sejumlah 130 peserta triathlon termasuk 60 peserta tempatan daripada pelbagai latar belakang daripada 11 negara akan bersaing dalam perlumbaan Langkawi yang julung kali diadakan yang membabitkan renang 3.8km, 180.2 km lumba basikal dan maraton sejauh 40.2 km.

Tema majlis makan malam ini 'carbo loading' bermakna para atlit akan mengambil makanan yang kaya dengan karbohidrat sebelum perlumbaan mencabar itu dengan mereka mesti menjaga diet mereka supaya badan mereka memuncak 24 jam sebelum perlumbaan.

Dr Mahathir berkata pertandingan ini adalah luar biasa untuk menentukan siapa Orang Besi.

"Malam ini pula dipanggil carbo loading dinner. Mereka kena makan banyak makanan yang mengandungi karbohidrat untuk berlumba yang menjadi peluh dan hilang dari tubuh," katanya.

"Yang peliknya ada peserta perempuan dan mereka juga ingin bertanding. Saya rasa wanita boleh lakukan yang lebih daripada anda," katanya.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Abdul Razak Syed Zain serta orang-orang kenamaan tempatan.

-- BERNAMA

NH PR